

NO. SOALAN : 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad**  
**[Langkawi]**

**TARIKH JAWAPAN : 3 Ogos 2017**

**SOALAN**

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mencapai tahap Langkawi sebagai Pulau Rendah Karbon seperti pelancaran oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2015 dalam program "Langkawi Low Carbon Island 2030"

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk pelan jangka masa panjang pembangunan Langkawi sebagai pulau rendah karbon satu pelan yang komprehensif diperlukan menjurus kepada pembangunan pelbagai sektor dalam ekonomi. Kementerian saya sedang dalam usaha mendapatkan kerjasama Kementerian Kewangan melalui Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) untuk mendapatkan peruntukan untuk penyediaan model dan pelan strategik pulau rendah karbon berkenaan. Model dan pelan strategik ini amat penting untuk memastikan pelaksanaan tindakan bagi Pulau Langkawi. Model bagi Pulau Langkawi adalah langkah awal Kerajaan yang memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak untuk memastikan kejayaannya.

2. Kementerian ini juga dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah telah mengadakan taklimat berkenaan *Low Carbon Cities Framework* (LCCF) kepada para pegawai Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. LCCF adalah merupakan garis panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam perancangan pembangunan pempandaran rendah karbon. Tindakan ini untuk memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan kepentingan dan kelebihan konsep bandar rendah karbon dalam usaha untuk mengurangkan kos operasi dan impak

negatif alam sekitar kepada mana-mana PBT. Kementerian ini juga berusaha untuk menyebarkan luas amalan budaya hidup hijau dan peningkatan kesedaran aplikasi teknologi hijau di kalangan penduduk melalui penganjuran Karnival Hijau oleh Yayasan Hijau Malaysia. Pelbagai aktiviti telah diadakan semasa karnival tersebut dalam usaha untuk mendidik masyarakat menghayati dan menghargai alam sekitar, sekali gus mengubah cara hidup yang lebih mesra alam dan lestari.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan di bawah *rolling plan 2*, Rancangan Malaysia Kesebelas telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.5 juta bagi melaksanakan Program Rintis Teksi Elektrik di Pulau Langkawi (e-teksi) dan Program Kesedaran Penggunaan Kenderaan Elektrik bagi tempoh dua tahun iaitu tahun 2017 dan 2018.

4. Kita yakin kerjasama erat Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri serta masyarakat setempat dalam perkara ini akan dapat mencapai kejayaan untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pulau rendah karbon yang akan menjadi contoh kepada pulau-pulau lain di negara kita.

\*\*\*\*\*